UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PELAKSANAAN AMALAN UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM PENGURUSAN DALAM KALANGAN PENGETUA CEMERLANG SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA***

**SITI SUMAIYYA BINTI SALIM**

**FPP 2021 7**

# PELAKSANAAN AMALAN UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM PENGURUSAN DALAM KALANGAN PENGETUA CEMERLANG SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA


Oleh

**SITI SUMAIYYA BINTI SALIM**


© COPYRIGHT UPM

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2020**

**HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

# DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG
SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA

Tesis ini ditujukan khas buat;
Suami, Abu Yamin Bin Bahron yang sentiasa sabar, memahami dan mendoakan yang terbaik untukku. Pengorbananmu menjadi inspirasi dan penguat semangat untukku meneruskan usaha menuju kejayaan.

Anak-anak, Ahmad Nasaa'i, Ahmad Deedat, Ahmad Tirmidzie, Ahmad Baihaqqie, Ahmad Bukhary, Ahmad Muslim, Siti Khadijah dan Siti Safiyyah yang banyak membantu dan menggembirakan hati ini.

Pengorbanan kalian amat besar dan sangat bermakna buatku. Tidak mampu ku balas kecuali dengan mendoakan semoga kalian dikurniakan Allah dengan kebaikan dan kejayaan yang lebih besar di dunia dan di akhirat.

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

# PELAKSANAAN AMALAN UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM PENGURUSAN DALAM KALANGAN PENGETUA CEMERLANG SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA


Oleh

**SITI SUMAIYYA BINTI SALIM**


**Ogos 2020**


**Pengerusi : Profesor Madya Soaib bin Asimiran, PhD**
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**



Pengurusan organisasi yang sempurna dan berkesan dapat membawa kepada pencapaian matlamat serta mampu menangani pelbagai cabaran dan masalah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan oleh Pengetua Cemerlang di sekolah menengah Negeri Sembilan berdasarkan tiga persoalan kajian, iaitu: Apakah kefahaman Pengetua Cemerlang tentang amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah? Bagaimana Pengetua Cemerlang melaksanakan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah? Bagaimana pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam dapat menyumbang kepada keberkesanan pengurusan sekolah. Kajian ini menggunakan beberapa teori dan model pengurusan dari perspektif Islam. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian pelbagai kes (multicases) dengan melibatkan lapan orang Pengetua Cemerlang sebagai peserta kajian. Teknik persampelan bertujuan digunakan beserta beberapa kriteria tertentu dalam pemilihan sampel kajian ini. Teknik pengumpulan data dalam kajian ini merangkumi temu bual semi berstruktur secara mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Ketiga-tiga teknik tersebut ditriangulasikan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Pengkaji menggunakan perisian Nvivo 10.0 untuk menguruskan data serta memudahkan pengkaji menganalisis data secara manual. Kajian ini menunjukkan bahawa kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah meliputi beberapa elemen utama iaitu konsep tawhidik, budaya Itqan dan nilai ihsan. Ketiga-tiga elemen ini diterapkan dalam pengurusan harian mereka. Dapatan kajian bersangkutan dengan cara pengetua cemerlang mengamalkan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah meliputi beberapa elemen yang berjaya membentuk hubungan baik antara ketua dan subordinat iaitu elemen etika, professional dan muafakat. Kesemuanya ini merupakan amalan




© COPYRIGHT UPM

Rasulullah SAW dalam pengurusannya. Akhir sekali, hasil sumbangan pengetua cemerlang yang mengamalkan unsur-unsur Islam dalam pengurusan dapat dilihat daripada pembentukan sebuah pengurusan yang cemerlang, kemenjadian warga organisasi dan kewujudan imej dan iklim diini di sekolah pimpinan mereka. Sumbangan-sumbangan ini secara tidak langsung merupakan usaha murni Pengetua Cemerlang dalam membentuk organisasi sekolah sebagai tempat pelajar, guru dan pekerja membentuk jati diri yang mulia berlandaskan syariat Islam. Kesimpulannya, amalan unsur-unsur Islam yang bersifat holistik dan berasaskan nilai tawhidik dalam pengurusan sekolah merupakan amalan terbaik untuk mencapai matlamat pendidikan negara di samping mendapat keredhaan Allah.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**IMPLEMENTATION OF ISLAMIC ELEMENTS PRACTICE IN THE MANAGEMENT OF EXCELLENT PRINCIPALS IN NEGERI SEMBILAN SECONDARY SCHOOLS, MALAYSIA**

By

**SITI SUMAIYYA BINTI SALIM**

**August 2020**

**Chairman : Associate Professor Soaib bin Asimiran, PhD**
**Faculty : Educational Studies**

Effective organizational management can lead to the achievement of the target as well as being able to deal with various challenges and problems. This study explored the implementation of of Islamic elements practices in the management of Excellent Principals in Negeri Sembilan secondary schools based on three research questions, namely: What is the understanding of Excellent Principals about the practice of Islamic elements in school management? How do Excellent Principals implement the practice of Islamic elements in school management? And How the implementation of Islamic elements practice can contribute to the effectiveness of school management? This study used several management theories and models from Islamic perspectives. It applied qualitative research design with multi-cases study involving eight Excellent Principals as participants. Purposive sampling techniques are used along with some specific criteria in the selection of the sample of this study. The data collection techniques include in-depth semi-structured interviews, observation and document analysis. All three techniques are triangulated to increase the validity and reliability of the data. The researcher uses Nvivo 10.0 software to manage data and to analyze data manually. This study shows that the principal's excellent understanding of the practice of Islamic elements in school management covers several key elements namely the *Tawhidik* concept, *Itqan* culture and *Ihsan* value. These three elements are applied in their daily management. The findings of the study related to the way excellent principals practice Islamic elements in school management include several elements that have succeeded in shaping a good relationship between the principal and subordinates, namely ethical, professional and consensus elements. All of these are the practice of the Messenger of Allah (PBUH) in his management. Finally, the contribution of excellent principals who practice Islamic elements in management can be



© COPYRIGHT UPM

seen from the formation of excellent management, the development of good behaviour among the employee citizenship and the existence of the image and climate in their schools. These contributions are indirectly a noble effort of the Excellent Principal in establishing the school institution where students, teachers and employees form a noble identity based on religious law of Islam (*syariah*). In conclusion, the practice of holistic Islamic elements based on *tawhidik* values in school management is the best practice to achieve the goals of national education while gaining the pleasure of Allah.

© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW yang memberi petunjuk menuju Mardatillah agar syafaatnya diperolehi kelak. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan hidayah dan inayahNya dapat saya menyediakan dan menyiapkan tesis ini.

Di sini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia khasnya Fakulti Pengajian Pendidikan kerana memberi peluang kepada saya menuntut ilmu dan menimba pengalaman yang sangat bermakna. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Prof Madya Dr Soaib bin Asimiran selaku pengerusi jawatankuasa, Dr Fathiyah binti Fakhruddin dan Dr Shamsudin bin Othman selaku ahli jawatankuasanya. Semoga segala bantuan yang diberikan dari segi curahan dan bimbingan ilmu, sokongan, nasihat dan teguran dari segi psikologi dan emosi sepanjang kajian ini dilaksanakan, dibalas oleh Allah dengan limpahan kebaikan di dunia dan akhirat.

Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada semua pengetua, guru-guru dan staf-staf di sekolah-sekolah kajian, pensyarah-pensyarah USIM dan UKM yang turut menyumbang idea dan pandangan, rakan-rakan yang tidak jemu memberi nasihat dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha saya mendapatkan maklumat dan menyiapkan tesis ini.

Akhir kata dari saya, ucapan terima kasih tak terhingga di atas segala jasa baik yang telah kalian curahkan sepanjang tempoh penyediaan tesis ini dan segalanya tidak mungkin dilupakan. Semoga Allah mengurniakan kerahmatan dan keberkatan berpanjangan buat kalian di dunia dan akhirat.

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Soaib bin Asimiran, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Fathiyah binti Fakhruddin, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Shamsudin bin Othman, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovosi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : ________________ Tarikh:________________

Nama dan No. Matrik : Siti Sumaiyya binti Salim GS37234

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: ______________________

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Soaib bin Asimiran

Tandatangan: ______________________

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Fathiyah binti Fakhruddin

Tandatangan: ______________________

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Shamsudin bin Othman

© COPYRIGHT UPM

## JADUAL KANDUNGAN

**Muka surat**


| | | | |
|---|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | | i |
| ***ABSTRACT*** | | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | | v |
| **PENGESAHAN** | | | vi |
| **PERAKUAN** | | | viii |
| **SENARAI JADUAL** | | | xiv |
| **SENARAI RAJAH** | | | xv |
| **BAB** | | | |
| **1** | **PENDAHULUAN** | | 1 |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| | | 1.2.1 Perkembangan Unsur-unsur Islam dalam Pengurusan | 2 |
| | | 1.2.2 Kepentingan Unsur-Unsur Islam dalam Pengurusan Sekolah | 3 |
| | 1.3 | Pernyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 6 |
| | 1.5 | Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.6 | Kepentingan Kajian | 7 |
| | 1.7 | Skop Kajian | 8 |
| | 1.8 | Batasan Kajian | 8 |
| | 1.9 | Definisi Operasional | 9 |
| | | 1.9.1 Pelaksanaan Amalan | 9 |
| | | 1.9.2 Unsur-unsur Islam | 9 |
| | | 1.9.3 Pengurusan Sekolah | 10 |
| | | 1.9.4 Sekolah Menengah | 10 |
| | | 1.9.5 Kefahaman | 10 |
| | | 1.9.6 Pengetua Cemerlang | 11 |
| | 1.10 | Rumusan | 11 |
| **2** | **SOROTAN LITERATUR** | | 12 |
| | 2.1 | Pengenalan | 12 |
| | 2.2 | Pengetua Di Malaysia | 12 |
| | | 2.2.1 Pengetua Cemerlang | 13 |
| | | 2.2.2 Peranan Pengetua Cemerlang | 14 |
| | | 2.2.3 Kelestarian Pengetua Cemerlang | 15 |
| | 2.3 | Konsep Pengurusan Sekolah | 17 |
| | 2.4 | Amalan Pengurusan Pengetua di Sekolah | 19 |
| | 2.5 | Konsep Unsur-Unsur Islam Dalam Pengurusan | 21 |
| | 2.6 | Teori, Falsafah dan Model Pengurusan Islam | 23 |


© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.7 | Realiti Pelaksanaan Amalan Unsur-Unsur Islam Dalam Pengurusan | 27 |
| | 2.8 | Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara | 28 |
| | 2.9 | Kerangka Teori / Model Pengurusan Islam | 32 |
| | | 2.9.1 Modal Insan al-Ghazali | 33 |
| | | 2.9.2 Teori Konsep Hisbah | 35 |
| | | 2.9.3 Model PDS | 36 |
| | 2.10 | Kerangka Teoritikal Kajian | 38 |
| | 2.11 | Kerangka Konsep | 39 |
| | | 2.11.1 Etika (Qudwah Hasanah) | 41 |
| | | 2.11.2 Profesional (Hisbah) | 43 |
| | | 2.11.3 Muafakat (Hablummin Allah dan Hablummin an-nas) | 45 |
| | 2.12 | Rumusan | 46 |
| **3** | **METODOLOGI** | | 47 |
| | 3.1 | Pengenalan | 47 |
| | 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 47 |
| | 3.3 | Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian | 48 |
| | 3.4 | Peserta Kajian | 50 |
| | | 3.4.1 Prosedur Pemilihan Informan | 51 |
| | | 3.4.2 Kriteria Pemilihan informan | 51 |
| | 3.5 | Lokasi Kajian | 53 |
| | 3.6 | Prosedur Pengumpulan Data | 54 |
| | | 3.6.1 Kaedah Pengumpulan Data | 54 |
| | | 3.6.1.1 Kaedah Temu Bual | 55 |
| | | 3.6.1.2 Kaedah Pemerhatian | 59 |
| | | 3.6.1.3 Analisis Dokumen | 61 |
| | 3.7 | Kesahan | 61 |
| | | 3.7.1 Kesahan Dalaman | 62 |
| | | 3.7.2 Kesahan Luaran | 63 |
| | 3.8 | Kebolehpercayaan | 63 |
| | 3.9 | Triangulasi | 64 |
| | 3.10 | Prosedur Penganalisisan Data | 65 |
| | | 3.10.1 Analisis Data Temu Bual | 65 |
| | | 3.10.2 Analisis Data Pemerhatian | 66 |
| | | 3.10.3 Analisis Dokumen | 66 |
| | | 3.10.4 Analisis Data Secara Keseluruhan | 66 |
| | 3.11 | Rumusan | 70 |
| **4** | **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN** | | 71 |
| | 4.1 | Pengenalan | 71 |
| | 4.2 | Latar Belakang Peserta Kajian | 71 |
| | 4.3 | Kefahaman Pengetua Cemerlang Tentang Amalan Unsur-unsur Islam dalam Pengurusan Sekolah | 72 |
| | | 4.3.1 Konsep Tawhidik | 73 |
| | | 4.3.1.1 Menitikberatkan Kehadiran Ilahi | 73 |
| | | 4.3.1.2 Pengurusan Islam Berbeza dengan Konvensional | 74 |

4.3.2 Konsep Budaya Itqan 77
4.3.2.1 Bersungguh-sungguh 77
4.3.2.2 Istiqamah 78
4.3.2.3 Bijak dan Cekap 79
4.3.3 Konsep Nilai Ihsan 80
4.3.3.1 Sifat Muafakat 80
4.3.3.2 Sifat Muraqabah 81
4.3.3.3 Sifat Ikhlas 81
4.3.3.4 Sifat Amanah 82
4.3.3.5 Sifat Rahmatan Lilalamin 82
4.4 Cara Pengetua Cemerlang Mengamalkan Unsur-Unsur Islam dalam Pengurusan Sekolah 83
4.4.1 Unsur Etika 84
4.4.1.1 Qudwah Hasanah 84
4.4.1.2 Memainkan Peranan Mengikut Pelbagai Situasi 87
4.4.2 Unsur Professional 89
4.4.2.1 Menjaga Kualiti Kerja 89
4.4.2.2 Hargai Masa 90
4.4.2.3 Inovatif dan Kreatif 90
4.4.2.4 Penyesuaian 91
4.4.2.5 Menekankan Konsep Hisbah (Amar Maaruf Nahi Mungkar) 93
4.4.2.6 Mementingkan Kepelbagaian bentuk Dakwah 94
4.4.3 Unsur Muafakat 98
4.4.3.1 Hablumminallah 98
4.4.3.2 Hablumminannaas 100
4.5 Sumbangan Pelaksanaan Amalan Unsur-Unsur Islam oleh Pengetua Cemerlang kepada Keberkesanan Pengurusan Sekolah 111
4.5.1 Membentuk Pengurusan Cemerlang 111
4.5.1.1 Sekolah Contoh 112
4.5.2 Kemenjadian Warga Organisasi 113
4.5.2.1 Membentuk Sahsiah Peribadi Guru dan Pekerja 113
4.5.2.2 Membentuk Sahsiah Peribadi Pelajar 114
4.5.3 Mewujudkan Imej dan Iklim Diini 115
4.5.3.1 Pembentukan Majlis Bercirikan Nilai Islam 116
4.5.3.2 Pembentukan Konsep Amal Jariah 116
4.5.3.3 Penerapan Didikan dan Nilai Agama 117
4.6 Perbincangan 118
4.6.1 Persoalan Kajian 1 118
4.6.1.1 Unsur Tawhidik 118
4.6.1.2 Unsur Budaya Itqan 120
4.6.1.3 Konsep Nilai Ihsan 121
4.6.2 Persoalan Kajian 2 122
4.6.2.1 Unsur Etika 122



© COPYRIGHT UPM

4.6.2.2 Unsur Professional 124
4.6.2.3 Unsur Muafakat 125
4.6.3 Persoalan Kajian 3 127
4.6.3.1 Membentuk Pengurusan Cemerlang 127
4.6.3.2 Kemenjadian Warga Organisasi 128
4.6.3.3 Mewujudkan Imej dan Iklim Diini 129
4.7 Rumusan 129

**5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN** 131
5.1 Pengenalan 131
5.2 Ringkasan Kajian 131
5.3 Kesimpulan Kajian 132
5.4 Implikasi Kajian 133
5.4.1 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori 133
5.4.2 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal 135
5.5 Cadangan 136
5.5.1 Cadangan Terhadap Amalan dan Dasar 136
5.5.2 Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan 136

**RUJUKAN** 138
**LAMPIRAN** 157
**BIODATA PELAJAR** 169
**PENERBITAN** 170

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

**Jadual** **Muka surat**


| Jadual | | Muka surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Kriteria Peserta Kajian | 52 |
| 3.2 | Tarikh Temubual | 58 |
| 4.1 | Butiran Latar Belakang Peserta Kajian | 72 |
| 4.2 | Penjelasan dan Huraian Kefahaman Pengetua Cemerlang Tentang Amalan Unsur-Unsur Islam dalam Pengurusan Sekolah | 73 |
| 4.3 | Penjelasan dan Huraian Amalan Unsur-Unsur Islam oleh Pengetua Cemerlang dalam Pengurusan Sekolah | 84 |
| 4.4 | Penjelasan dan Huraian Setiap Sumbangan Amalan Unsur-unsur Islam oleh Pengetua Cemerlang kepada Keberkesanan Pengurusan Sekolah | 111 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka surat**


| | | |
|---|---|---|
| 2.1 | Model Modal Insan Imam Al - Ghazali | 33 |
| 2.2 | Model Pengurusan Dengan Syura (PDS) | 36 |
| 2.3 | Kerangka Teoritikal Kajian | 39 |
| 2.4 | Kerangka Konsep Kajian | 40 |


© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang pengenalan kajian yang dijalankan. Perbincangan meliputi latar belakang dan konteks kajian. Masalah kajian telah dibincangkan dengan terperinci. Manakala persoalan kajian dan objektif kajian telah dikemukakan dengan jelas supaya menjawab dengan rasional penyelidikan kajian ini. Turut diterangkan kepentingan kajian ini dijalankan serta batasan kajian secara ringkas dan padat. Di akhir bab ini pula, mendefinisikan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia pengurusan organisasi pada alaf 21 kini semakin mencabar dan kompleks (Ayob, 2006). Pengurusan yang berkualiti dan mampan adalah penting untuk memastikan sesebuah organisasi atau kumpulan dapat bekerjasama menuju matlamat dan objektif yang telah dirancang bersama. Menurut Faridah Jair dan Nurafiqah Mohd Taip (2013), pengurusan merupakan penyelarasan tenaga manusia dan sistem pelaksanaan yang bermatlamatkan pencapaian baik organisasi. Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa & Raja Hisyamudin Raja Sulong (2013) menambah bahawa kerjasama secara sukarela turut menyumbang ke arah pencapaian matlamat organisasi. Lebih-lebih lagi dalam konteks pendidikan, sebuah institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam usaha mencapai objektif dan matlamat sosial, sudah tentu aspek pengurusan menjadi lebih mustahak dan kritikal.

Terdapat persetujuan yang menyeluruh menyatakan bahawa kemajuan sesebuah sekolah adalah berkait rapat dengan pengurusan dan kepimpinan (Khasif, Muhammad & Shukran, Sharifah & Rehman, Mohsin & Sarifuddin, Syamsulang, 2015; Mohamed Sulaiman Nur Arfifah Abdul Sabian & Abdul Kadir Othman, 2014 dan Tang, Keow Ngang & Zainab Ali, 2014). Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan lapan tonggak utama yang sangat strategik, sistematik dan sinergik dalam usaha menuju transformasi pendidikan yang berkualiti demi mencapai matlamat, dasar, misi dan hala tuju pendidikan negara (Hussein, 2014). Pengurusan adalah tonggak yang keenam iaitu berkenaan corak kepimpinan dan pengurusan di peringkat organisasi sekolah yang perlu dimantapkan.

Pengurusan pada amnya ialah satu proses merancang, menganjur, memimpin dan mengawal aktiviti-aktiviti pekerja selaras dengan sumber yang ada untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Koontz, Harold &



© COPYRIGHT UPM

O'Donnell, 1956). Pengurusan dalam sesebuah organisasi merupakan suatu unsur yang terpenting kerana pengurusan yang cekap dapat menghasilkan output yang baik dan seterusnya menyempurnakan kehidupan manusia. Ini seiring dengan definisi pengurusan menurut Hersey dan Blanchard (2001) iaitu, *"working with and thorough individuals and groups to accomplish organizational goals."* Pengurusan yang cekap menentukan matlamat tercapai dengan jayanya. Menurut kajian yang dijalankan oleh Siti Zuhaida (2008), pengurusan yang berkualiti akan menghasilkan output yang berkualiti. Baharom (2008) bersetuju dengan menekankan bahawa pihak pengurusan adalah penentu kepada pencapaian sasaran organisasi. Ini menunjukkan bahawa pengurusan dan pencapaian organisasi saling berkait.

### 1.2.1 Perkembangan Unsur-unsur Islam dalam Pengurusan

Islam menyediakan umatnya dengan sebuah sistem hidup yang lengkap. Sistem pengurusan ini telah melalui fasa sejarah yang panjang bermula dengan agama Islam diperkenalkan kepada manusia sebagai pegangan dan panduan hidup di muka bumi ini (Razaleigh, 2015) sehingga mudah diadaptasi dalam corak pengurusan moden sekarang. Oleh itu, konsep pengurusan yang mengandungi unsur-unsur Islam perlu difahami sedalam-dalamnya kerana pelaksanaannya mencakupi keseimbangan dunia dan akhirat.

Berdasarkan sejarah Malaysia, pengurusan berunsur Islam ini wujud sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu pada abad ke -13 (Malaysia Kita, 2014). Dengan tersebarnya ajaran Islam maka tersebarlah pengurusan yang bersifat *syumul* ini merangkumi pelbagai aspek seperti politik, kesenian, undang-undang, ekonomi dan keilmuwan. Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membentuk sebuah negara yang produktif dan bermoral tinggi termasuklah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran yang mula diperkenalkan pada Tahun 1985. Selain itu, Perlembagaan Malaysia telah menerima Islam sebagai agama rasmi negara dan sebagai *al-Din* iaitu satu cara hidup dalam mengamalkan ajarannya (Perlembagaan dan Undang-Undang Am, 2014).

Dari segi pendidikan, perspektif Islam melihat kepentingan membangunkan potensi individu manusia secara seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1988) bersandarkan al-Quran dan as Sunnah. 'Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan' menjadi acuan dasar proses pendidikan. Pelbagai usaha dilakukan untuk mendokong cita-cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Asmawati, 2005) dalam penerapan unsur-unsur Islam seperti kewujudan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), kelas aliran agama (KAA) di Sekolah Menengah Kebangsaan, pengenalan komponen adab dan akhlak Islam dan j-QAF (Jawi-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain) pada 2003, penggabungan mata pelajaran akademik dengan mata pelajaran agama dan peperiksaan yang membolehkan pelajaran agama dilanjutkan di peringkat tinggi (Hailan, 2010).



© COPYRIGHT UPM

Kurikulum yang seimbang berteraskan tauhid ini diiringi dengan pengurusan yang menyerlahkan amalan unsur-unsur Islam untuk mencapai matlamat yang diredai Allah SWT.

Transformasi terkini pendidikan di Malaysia adalah untuk membangunkan kemahiran abad 21 seperti berfikiran kritis dan kreatif serta menggalakkan perkembangan sahsiah yang holistik dan seimbang (Muhyidin, 2013 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025). Oleh itu, penekanan utama kepada aspek pengurusan yang mempunyai unsur-unsur Islam sebagai nilai tambah untuk melonjakkan pencapaian pendidikan ke tahap yang tinggi sudah tentu bermula dengan aspek pengurusan pengetua di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)

### 1.2.2 Kepentingan Unsur-Unsur Islam dalam Pengurusan Sekolah

Pengurusan yang berkualiti dan berkesan adalah penting untuk menggerakkan sesuatu organisasi atau kumpulan dalam melaksanakan tugas bagi mencapai objektif dan matlamat (Khazani, 2006). Dalam konteks pendidikan, sekolah sebagai institusi yang berfungsi untuk mencapai objektif dan matlamat sosial, aspek pengurusan menjadi lebih mustahak serta kritikal. Hampir semua model kemajuan, keberkesanan, perubahan dan kualiti institusi atau organisasi mendapati bahawa terasnya adalah dengan kehadiran kepengetuaan dan pengurusan (Norasmah & Kamaruzzaman, 2008 dan Adanan & Khairuneezam, 2012).

Strategi pengurusan yang mengandungi unsur-unsur Islam amat penting bagi sesebuah organisasi supaya dapat beroperasi secara sistematik ke arah matlamat *al-falah* di dunia dan di akhirat (Izzaty, Ahmad dan Zulkefli, 2015). Pengurus yang merujuk kepada al-Quran yang *syumul* pasti melaksanakan satu bentuk pengurusan istimewa dan lebih terkehadapan kerana adab dan akhlak digabungkan dengan keseluruhan elemen dalam organisasi dan dijadikan teras utama menuju kejayaan. Sehubungan itu, amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan oleh Pengetua Cemerlang membawa perubahan yang efektif dan memberi sumbangan besar kepada kecemerlangan sekolah (Izani & Yahya, 2014).

Jika diperhatikan, pihak sekolah bukan sahaja berdepan dengan cabaran untuk melahirkan pengurusan sekolah yang berkesan, malahan perlu berusaha keras dalam menjayakan langkah untuk mengetengahkan sekolah masing-masing, ditambah lagi dengan faktor daya saing sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ini kerana, kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah tidak dapat diwarisi atau diperoleh secara kebetulan (Misyati, 2011) tetapi sangat berkait rapat dengan sejauh mana kepekaan pengurus institusi tersebut melaksanakan amalan pengurusan yang baik dan berkesan. Oleh yang demikian, pengurusan yang mengamalkan



© COPYRIGHT UPM

unsur-unsur Islam perlu diberi perhatian kerana mengambilkira hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia dalam melaksanakan tanggungjawab di dunia demi mencapai *mardatillah* di akhirat kelak.

Pendidikan adalah tunjang dan landasan pembangunan insan dan negara. Kejayaan membangunkan kedua-dua aspek ini bergantung kepada tadbir urus yang sempurna. Kecemerlangan pengurusan berunsur Islam adalah bersifat menyeluruh dan mampu melahirkan modal insan kelas pertama (Hasan Al-Banna, Ab Mumin & Siti Arni, 2013) seiring dengan hasrat pendidikan negara. Bertepatan dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Dato' Seri Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (2013), "Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara." Maka, tugas utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara efisien. Hasrat KPM untuk memartabatkan sistem pendidikan negara sejajar dengan kehendak global ini jelas digariskan dalam misinya yang terkini: ***"Melestarikan Sistem Pendidikan Yang Berkualiti Untuk Membangunkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara"*** **(**Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.7 / 2013 yang diadakan pada 27 September 2013).

Dengan kata lain, sekolah yang berkesan bermula dengan pengurusan dan kepimpinan yang cekap dan berkualiti. Bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Dr Khair bin Mohamad Yusof dalam perutusan beliau sempena Sambutan Hari Guru 2014 pada 16 Mei, turut bersetuju dengan menyatakan bahawa proses pendidikan perlu diberi keutamaan pada tahap tertinggi bagi memastikan semua perancangan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan dapat berjalan lancar. Hal ini kerana sentuhan masa depan negara (*touching the future*) sebenarnya bermula dalam tangan pendidik demi memastikan pelajar yang dihasilkan bukan sahaja menguasai ilmu pengetahuan, malah turut mampu dan berkebolehan mengguna, mencari, mencipta ilmu malah juga mempunyai sifat dan akhlak yang luhur. Dengan itu, pengurus yang menitikberatkan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan mampu berhadapan realiti dan cabaran mendatang, memastikan impak tidak hanya bersifat materialistik sahaja, sebaliknya mencapai kesempurnaan kecemerlangan dunia dan akhirat.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Pengurusan organisasi memerlukan satu sistem yang sempurna, berkesan dan membawa kepada pencapaian matlamat yang telah dirancang dengan baik. Tanpa pengurusan yang betul, kebarangkalian berlaku pelbagai masalah disiplin adalah tinggi termasuklah timbulnya pergolakan dalaman seperti penyalahgunaan kuasa, kronisme, rasuah, tekanan perasaan, malas, penipuan, kurang integriti dan lain-lain (Hasan al-Banna et al., 2013). Kejayaan pengurusan organisasi secara umumnya boleh diukur dari aspek



© COPYRIGHT UPM

kecekapan, keberkesanan, produktiviti dan kualiti, pengeluaran dan perkhidmatan yang ditawarkan (Augustin, 2020). Dengan kata lain, keberkesanan pengurusan boleh diukur dari segi pengurus membuat kerja dengan betul dan matlamat organisasi berjaya dicapai bersama.

Selain itu, kebaikan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan pada masa kini semakin terserlah dapat memberi manfaat bukan sahaja dari aspek jasmani dan rohani, malah meliputi aspek duniawi dan ukhrawi. Ini berbeza dengan pengurusan konvensional kerana hasil pengurusan kurang memberi kesan terbaik terhadap aspek dalaman yang bersifat spiritual (*soft factors) sebagaimana dapatan kajian yang dikemukakan oleh* ur-Rahman & Bullock (2005) dan Fotopoulos & Psomas (2009). Begitu juga dengan Natijah ISO dalam Total Quality Management yang menekankan kepuasan pelanggan dan penghasilan output iaitu impak lahiriah sahaja (Ooi et al., 2007; Jun & Cai, 2010; Rodriguez-Anton & Alonso-Almeida, 2011). Hasan al-Banna et al., 2013 juga sependapat bahawa pengurusan konvensional lebih berorientasikan pelanggan dan berfokus kepada penghasilan output atau produk semata-mata. Maka, jelaslah pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam mampu menghasilkan pengurusan yang menyeluruh, bukan sahaja kepada individu, malah masyarakat, organisasi, agama dan negara.

Dari sudut pengurusan sekolah, pengetua merupakan elemen terpenting dalam menentukan keberkesanan sesebuah sekolah daripada keadaan biasa kepada sekolah yang berkesan dan cemerlang (M. Faisal, 2016; Nadiah & Azlin, 2014). Kemahiran pengetua dalam memanipulasikan kuasa kepengetuaan yang dimiliki pasti dapat menangani perubahan (Mohd Rofidzan, 2008; Jamilah dan Yusuf, 2011). Jemaah Nazir Sekolah (2003) dalam penaziran ke sekolah-sekolah juga berpendapat bahawa sekolah yang cemerlang berkait rapat dengan pengurusan dan kepimpinan cemerlang pengetuanya. Pengetua cemerlang mampu menyelesaikan masalah dalaman dan luaran, membimbing dan membawa ke arah hala tuju yang betul secara klinikal dengan mempraktikkan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan.

Namun demikian, masih terdapat sekolah yang gagal menampilkan kualiti pengurusan yang baik Ini adalah kerana sistem pentadbiran dan pengurusan pendidikan masih terikat kepada sistem birokrasi berpusat yang ketat, segelintir golongan para profesional dan pengurusan masih bersikap konservatif, tradisional, klasikal dan birokratik (Hussein, 2012). Hasil laporan KPM (2013) juga menyatakan bahawa amalan pengurusan pengetua masih pada tahap sederhana dan tidak mampu menghadapi pelbagai cabaran dan harapan masa depan. Sebanyak 55% pengetua kurang bersedia menjalankan tugas-tugas kepengetuaan kerana bersikap *'resistant to change'* dan tidak bersedia dari segi mental untuk mengharungi perubahan bagi meningkatkan kualiti profesionalisme masing-masing (Hussein, 2014). Hal ini menimbulkan persoalan keberkesanan program pembangunan kepimpinan (Adanan & Khairunneezam, 2012) untuk melahirkan pengurus yang cekap bagi

mengemudi organisasi. Sehubungan itu, kajian ini juga cuba meniliti dengan lebih mendalam pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah menengah.

Justeru, bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan organisasi sekolah yang berkesan, suatu bentuk pengurusan perlu diberi penekanan. Ab. Aziz (2006) menyatakan keperluan memahami dan menghayati paradigma Tauhid dalam setiap praktis pengurusan perlu disepadukan antara teori dan amali, roh dan akal serta hati dan budi untuk menjamin keberkesanan yang jitu. Kajian Hassan al-Banna, Ab Mumin & Siti Arni (2013) jelas menyatakan bahawa pengurusan yang lebih holistik dan penekanan aspek dalaman atau kemanusiaan dijadikan panduan sempurna dan alternatif baru untuk mempertingkat sistem pengurusan. Selain itu, struktur pengurusan sesebuah sekolah seharusnya memiliki ciri-ciri kebestarian ke arah kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

Ringkasnya, hasil penyelidikan ini bertujuan meneroka kefahaman dan pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam oleh Pengetua Cemerlang dalam pengurusan mereka supaya dapat mengawal situasi dan mengurangkan ketegangan bagi mewujudkan organisasi yang menyeronokkan. Pengurusan yang mempunyai unsur-unsur Islam merupakan jawapan kepada masyarakat dunia amnya dan dunia Islam khususnya tentang kaedah pengurusan berkesan, juga merupakan jalan keluar kepada kemelut pengurusan kontemporari. Dengan ini beberapa persoalan dibentuk untuk memenuhi keperluan kajian ini.

## 1.4 Objektif Kajian

i. Meneroka kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah.
ii. Menganalisis pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam oleh pengetua cemerlang dalam pengurusan sekolah.
iii. Meneliti sumbangan pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam kepada keberkesanan pengurusan sekolah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan oleh Pengetua Cemerlang di Sekolah Menengah. Sehubungan itu, tiga persoalan kajian dibina seperti berikut:

i. Apakah kefahaman pengetua cemerlang tentang amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah?



© COPYRIGHT UPM

ii. Bagaimana pengetua cemerlang melaksanakan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah?
iii. Bagaimana pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam dapat menyumbang kepada keberkesanan pengurusan sekolah?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengungkap satu kefahaman menyeluruh tentang pengurusan berteraskan Islam. Penekanan dari perspektif pelaksanaan amalan dan kupasan permasalahan yang berkaitan dengan isu-isu yang berlaku dapat memperlengkapkan diri pengetua cemerlang untuk menangani cabaran dalam masyarakat moden kini. Dengan itu, ia dapat memberi gambaran yang jelas kepada para pengetua khususnya pengetua cemerlang tentang amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah yang sistematik.

Usaha kajian ini adalah serasi dengan cabaran profesionalisme pengetua sekolah dan merupakan antara elemen perkongsian pengalaman dan idea bermakna yang boleh dimanfaatkan bersama. Oleh itu, dapatan kajian yang menerangkan fenomena pelaksanaan amalan unsur-unsur Islam dalam pengurusan oleh pengetua-pengetua cemerlang ini boleh digunapakai oleh pemimpin organisasi sekolah di Malaysia untuk dicontohi dan dijadikan model dalam usaha menjayakan sistem pengurusan iaitu dengan merealisasikan konsep pengurusan Islam yang telah jelas lebih baik dan berkesan. Selain itu, meyakinkan para pemimpin sekolah terhadap kepentingan menjadikan nilai etika kerja Islam sebagai pilihan tepat, pendekatan dinamik dan amalan relevan dalam memaju serta membangunkan sekolah. Jelasnya, dapatan kajian boleh menambahkan lagi sumber rujukan kepada pengetua sekolah dan bahan kajian ilmiah serta secara tidak langsung dapat memperkayakan khazanah ilmu berkaitan bidang pengurusan pendidikan yang Islamik.

Dapatan penyelidikan ini dapat menjadi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menentukan kursus-kursus yang bersesuaian yang perlu dijalankan bagi menyediakan pengetua-pengetua yang berbakat dan mempunyai ciri-ciri pengurus yang Islamik. Manakala pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri pula dapat menilai, merancang, melaksana dan menyediakan kursus atau program yang mantap bagi pengetua yang terpilih untuk menerajui sesebuah sekolah dengan cemerlang.

Selain itu, penyelidikan ini dapat menjadi rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan dan sentiasa memikirkan transformasi pendidikan ke arah kecemerlangan. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan pendorong kepada kajian - kajian lain supaya budaya penyelidikan ini dapat dijadikan sumber dalam membantu peningkatan dan keberkesanan pendidikan di Malaysia.

© COPYRIGHT UPM

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada amalan unsur-unsur Islam oleh pengetua cemerlang dalam pengurusan sekolah. Oleh itu, pengkaji hanya memberi fokus kepada elemen-elemen yang menujukkan kefahaman pengetua cemerlang tentang unsur-unsur Islam yang diamalkan dalam pengurusan. Di samping itu, pengkaji ingin melihat bagaimana unsur-unsur Islam tentang pengurusan yang telah difahami ini diamalkan dalam pengurusan sekolah. Akhirnya, pengkaji memberi fokus kepada sumbangan amalan unsur-unsur Islam ini kepada pengurusan pengetua cemerlang sehingga menjadikan sekolah mereka sekolah berkesan.

Kajian ini melibatkan lapan orang pengetua cemerlang di sekolah yang berlainan di Negeri Sembilan. Mereka yang terpilih juga terdiri daripada pengetua lelaki dan perempuan Islam yang telah mendapat anugerah cemerlang untuk memastikan pandangan, pengalaman dan amalan mereka mencukupi untuk memberi jawapan yang terbaik dan mencakupi setiap persoalan kajian yang ditetapkan.

## 1.8 Batasan Kajian

Oleh sebab bilangan pengetua cemerlang yang ramai dan kedudukannya yang berselerak di seluruh negara tidak memungkinkan kajian dibuat pada semua pengetua cemerlang yang ada di Malaysia. Tempoh masa yang singkat dan terhad untuk membuat kajian ini juga antara sebab pengkaji menjalankan kajian ini di sekolah menengah di dalam Negeri Sembilan sahaja.

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan faktor-faktor seperti Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) telah memberikan lampu hijau untuk melakukan kajian ini. Manakala pihak pengetua telah memberikan kerjasama yang baik semasa membuat temu janji. Selain itu, pengkaji terpanggil berdasarkan kenyataan mantan Menteri Besar Negeri Sembilan YAB Dato' Seri Utama Hj Hassan pada 7 April 2015 semasa majlis makan malam bersempena Persidangan Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pengetua Sekolah Malaysia ke-54 di Klana Resort, Seremban iaitu "Pengetua diseru supaya mengkaji budaya kepimpinan masyarakat di negeri ini untuk diserapkan dalam kurikulum bagi mencari resolusi membudayakan dan memperkasakan modal insan generasi di masa akan datang."

Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada pengetua-pengetua cemerlang (DG54) lelaki dan perempuan di beberapa sekolah di Negeri Sembilan sahaja. Kajian ini adalah tentang pengurusan pentadbiran secara keseluruhan dengan melihat bagaimana elemen Pengurusan Islam diterapkan sebagai amalan pengetua semasa menjalankan aktiviti pengurusan di sekolah. Oleh



© COPYRIGHT UPM

sebab ia melibatkan keadaan dan perilaku pengetua cemerlang di sekolah sahaja, maka kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen juga dilakukan di sekolah sahaja.

Selain itu, hubungan yang baik atau rapport antara pengkaji dengan informan perlu diwujudkan semasa proses pengumpulan data yang mengambil masa hampir lebih daripada setahun. Teknik pengumpulan data menggunakan temu bual mendalam sebagai teknik utama dan disokong oleh pemerhatian dan dokumen.

## 1.9 Definisi Operasional

Bagi memastikan perbincangan dalam kajian ini difahami secara lebih jelas, terdapat beberapa istilah penting yang perlu dihuraikan definisinya mengikut konteks kajian ini berdasarkan tajuk dan persoalan kajian. Antara istilah penting tersebut ialah:

### 1.9.1 Pelaksanaan Amalan

Pelaksanaan amalan dalam pengurusan merujuk kepada melakukan aktiviti dan menjalankan peranan yang dilakukan secara konsisten dan berterusan semasa pengurus menyelesaikan tugas-tugas pengurusan (Mintzberg, 1980). Menurut Maizura (2015) pula, dalam organisasi pendidikan, pelaksanaan amalan pengurusan merujuk kepada soal perlakuan, tindakan dan perbuatan bertingkah laku moral yang dilakukan berdasarkan kefahaman dan penghayatan individu dengan menjadikan perbuatan tersebut sebagai aktiviti yang berterusan dalam kehidupan seharian.

Pelaksanaan amalan dalam kajian ini merujuk kepada perkara-perkara yang sering dilakukan secara berterusan atau menjadi amalan Pengetua Cemerlang semasa mengurus sekolah. Amalan yang dibincangkan secara mendalam adalah amalan yang mempunyai unsur-unsur Islam dalam pengurusan sekolah menengah. Ini merujuk kepada tindakan yang diguna pakai oleh pengetua cemerlang secara konsisten berdasarkan kefahaman dan penghayatannya terhadap unsur-unsur Islam sepanjang proses mengurus dan mentadbir untuk menentukan hala tuju sekolah dan merupakan aspek utama yang dikaji.

### 1.9.2 Unsur-unsur Islam

Unsur-unsur pada dasrnya merujuk kepada kualiti yang bermanfaat, berguna dan menjadi kepentingan kepada sesuatu perkara, bernilai, berharga dan diterima sebagai kebaikan. Unsur-unsur Islam menurut Pahrol (2010) dan YaPEIM (2012) ialah sebahagian daripada misi pengabdian kepada Pencipta



© COPYRIGHT UPM

dan kebaktian kepada manusia yang bermatlamatkan *al-Falah* iaitu kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dengan demikian, unsur-unsur Islam merupakan prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran yang ada di dalam al-Quran sebagai dasar penentu tingkahlaku seseorang yang berguna sebagai bekalan hidup di dunia dan di akhirat. Kajian ini melihat amalan unsur-unsur Islam yang bersandarkan amalan untuk mendapatkan keredhaan Allah swt dalam pengurusan Pengetua Cemerlang di sekolah.

### 1.9.3 Pengurusan Sekolah

Pengurusan ialah satu proses aktiviti tadbir urus untuk merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal segala aktiviti anggota organisasi dengan menggunakan segala sumber secara cekap dan optimum ke arah mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan (Bateman & Snel, 2012; Razaleigh, 2015).

Dalam kajian ini, pengurusan sekolah ialah aktiviti-aktiviti dan strategi yang dijadikan amalan pengetua untuk mengurus sekolah ke arah kecemerlangan dan membangunkan modal insan sehingga tercapai kemajuan negara seiring dengan hasrat yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

### 1.9.4 Sekolah Menengah

Menurut portal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pendidikan menengah adalah lanjutan pendidikan sekolah rendah. Terdapat pelbagai jenis sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (Harian), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Seni, Sekolah Sukan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik, Maktab Tentera DiRaja (MTD) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Dalam kajian ini, Sekolah Menengah merujuk kepada sekolah menengah Gred A di Negeri Sembilan yang menawarkan kelas Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 dan telah beroperasi selama 25 tahun ke atas.

### 1.9.5 Kefahaman

Menurut Habsah (2000) kefahaman dijelaskan sebagai satu pengertian tentang sesuatu dalam ertikata mengetahui, benar-benar mengerti seterusnya mempercayai apa yang difahami. Ia merupakan keupayaan seseorang untuk

© COPYRIGHT UPM

memahami sesuatu dan ia dapat menerangkan perkara yang difahami kepada rakannya.

Kefahaman dalam kajian ini bermaksud keupayaan pengetua cemerlang memasukkan unsur-unsur Islam dalam amalan pengurusan sekolah dan menjadikannya asas dalam mempengaruhi amalan subordinat melakukan perubahan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah SWT.

### 1.9.6 Pengetua Cemerlang

Berdasarkan artikel oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) pengetua cemerlang dapat didefinisikan sebagai pengetua yang mempunyai kepakaran, berpotensi tinggi dalam pengurusan pendidikan serta telah menunjukkan mutu kepimpinan yang cemerlang. Ia merupakan satu konsep yang diperkenalkan sejak 1995 dan merupakan insentif dalam menghargai atau mengiktiraf usaha dan kredibiliti mereka (KPM, 2012). Menurut Norasmah dan Hariyaty (2006), Pengetua Cemerlang mengetuai dan mentadbir sekolah menengah jenis A dan diberi autonomi untuk mengurus segala sumber yang ada di sekolah kerana pemikiran mereka mampu memberi panduan untuk bertindak dalam keadaan sebenar menuju kejayaan sekolah.

